

# Kerjasama sekolah seni Malaysia-Indonesia

Um - 15/3/2007

DENPASAR 14 Mac — Dua buah sekolah seni pertama di Malaysia yang bakal dibuka tidak lama lagi akan bekerjasama dengan sekolah seni terkemuka Asia, Institut Seni Indonesia (ISI) Denpasar bagi memperkukuhkan kembali hubungan budaya serumpun dan meningkatkan persefahaman antara rakyat kedua-dua negara.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kerjasama itu akan memberi makna yang lebih ilmiah kepada budaya serumpun kerana ia bukan sekadar melibatkan belajar dan mengajar seni serta budaya tetapi juga kajian dan penyelidikan akar umbi faktor persamaan serta menyatukan seni dan budaya rakyat kedua-dua negara.

"Ketika kedua-dua negara menghadapi ujian sehari-hari dalam hubungan dua hala, kita kadang-kadang lupa bahawa hubungan kita jauh lebih mendalam dan bermakna, yang tidak mungkin putus walau dicincang.

"Hubungan ini, ditambah dengan sisi akademiknya melalui kerjasama ini kelak, akan sentiasa mempererat hubungan kita untuk terus kekal akrab," katanya ketika melawat ISI Denpasar di sini hari ini.

Beliau berkata, kunjungannya ke ISI Denpasar, sempena menghadiri Mesyuarat ke-42 Majlis Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SE-AMEO) di sini, bertujuan untuk melihat sendiri kehebatan ISI Denpasar yang telah melatih pelajar bukan saja dari dalam negeri tetapi juga dari seluruh dunia.

Benarlah, kehebatan ISI Denpasar bukan sekadar daripada kata-kata tetapi ternyata dalam persembahannya yang saya lihat sendiri," katanya, yang kagum dengan persembahan yang diadakan khas sempena lawatan beliau, yang diiringi 12 delegasi Kementerian Pelajaran.

Antaranya ialah tarian tradisional Bali yang sukar untuk dikuasai tetapi berjaya dipersembahkan dengan lemah gemalai oleh kanak-kanak sekolah rendah yang dilatih di situ dan juga muzik tradisional yang dimainkan oleh kaum wanita dan pelajar-pelajar asing.

Pada lawatan itu, selain melihat pertunjukan seni persembahan beliau turut melihat pameran seni rupa dan reka bentuk hasil karya para pelajar dan pensyarah ISI Denpasar, yang menurutnya berjaya menonjolkan kreativiti rakyat Indonesia dan juga bertaraf dunia.

Beliau menyampaikan sendiri hasrat Malaysia untuk belajar daripada pengalaman ISI Denpasar yang ditubuhkan sejak 1967 dan bekerjasama dalam pelbagai bidang yang luas kepada Rektor ISI Denpasar, Prof. Dr. I. Wayan Rai.

Wayan dalam ucapannya berkata, ISI Denpasar menyambut baik hasrat Malaysia itu dan akan memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan sekolah seni Malaysia termasuk dengan menghantar tenaga pengajarnya.

Sekolah seni di bawah Kementerian Pelajaran itu, yang pertama seumpamanya di Malaysia, dibina di Johor dan Sarawak.

— Bernama



HISHAMMUDDIN Tun Hussein memegang batu tanda kenangan semasa melawat ke Sekolah Rendah Contoh Denpasar, Bali, semalam.

— Gambar BERNAMA